

# **Pendidikan Guru di Malaysia Masa Kini: Perkembangan Profesionalisme dan Peningkatan yang Berkualiti**

oleh

**Mohd Salleh Lebar**

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)  
Kuala Terengganu

## **ABSTRAK**

*Perkembangan profesionalisme pendidikan guru di Malaysia masa kini telah banyak mengalami perubahan dan kemajuan yang membanggakan seluruh masyarakat dan negara. Perkembangan ini termasuklah dari segi skim perjawatan, kurikulum, penyelidikan, perkembangan staf dan sebagainya. Jadi kertas ini cuba mengimbas kembali perkembangan pendidikan guru sebelum dan selepas abad ke 21 yang mana terdapat pelbagai pembaharuan yang menyumbangkan ke arah pendidikan yang bermutu dan berkualiti. Walau pun profesion perguruan selalu diancam dan diperkecilkan oleh golongan masyarakat yang tidak faham dengan erti budi pendidikan namun ia tetap berdiri dan dapat bersaing dengan kerjaya dan profesion lain. Sebelum tahun 1970an boleh dikatakan profesion perguruan menjadi kemegahan semua masyarakat. Namun selepas tahun 1970an dan seterusnya sehingga 2000 ia merosot sedikit akibat ledakan kemajuan negara dalam menjanakan peluang pekerjaan yang berasaskan kemajuan pembinaan, teknologi maklumat, perindustrian dan perkilangan. Walau bagaimanapun pada masa kini imej perkembangan profesionalisme pendidikan guru semakin mendapat perhatian seluruh masyarakat ekoran kesusahan para lepasan universiti untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka. Bagi memastikan profesionalisme pendidikan guru berada di landasan yang betul dan dijamin kualitinya, pihak Kementerian Pendidikan telah menyediakan pelbagai kemudahan dan mewajibkan bakal guru serta guru terlatih menjalani pelbagai kemahiran baru sesuai dengan arus globalisasi. Hasilnya guru yang dilahirkan masa kini boleh dikatakan mempunyai kecekapan, keyakinan dan kemahiran yang tinggi dalam menghadapi cabaran pendidikan.*

## **Pendahuluan**

Profesion perguruan merupakan satu profesion yang tidak ditelan zaman dan kini kehebatannya tidak dapat dipersoalkan lagi. Semenjak tahun 1960an hinggalah tahun 1970an, profesion perguruan menjadi satu rebutan sebahagian besar kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seluruh Malaysia lebih-lebih lagi jawatan tersebut diperlukan setiap tahun. Bahkan pada awal dan pertengahan tahun 1990an pernah Bahagian

Pendidikan Guru mengambil calon-calon untuk diberi latihan sebanyak dua kali setahun kerana terdapat kekosongan jawatan guru. Walau pun pada ketika itu skim gaji guru tidaklah setinggi pada masa kini namun bidang ini terus dibanjiri oleh lepasan SPM, dan Sijil Tinggi Perskolahan Malaysia (STPM). Pada masa itu sebenarnya ada sektor pekerjaan lain seperti perkilangan yang menawarkan skim gaji yang lebih tinggi namun profesion perguruan tetap menjadi pilihan ramai. Walau bagaimanapun kita tidak nafi ramai juga lepasan daripada STPM dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang tidak berminat untuk memasuki bidang profesion perguruan. Sebaliknya mereka lebih menumpukan kepada bidang profesion atau kerjaya yang lebih mencabar seperti menjadi pengurus dan pentadbir di jabatan-jabatan awam dan di sektor swasta. Yang bijak dalam matapelajaran Matematik, Sains dan bahasa Inggeris dari awal-awal lagi mereka lebih berminat atau bercita-cita untuk menjadi doktor, arkitek, jurutera dan peguam.

Apabila keadaan ekonomi negara tidak berapa menentu pada akhir tahun 1990an dan sehinggalah pada masa kini nampaknya profesion perguruan kembali menyinar dan setiap kali tawaran latihan perguruan dikeluarkan, berpuluh-puluh ribu lepasan SPM membanjiri untuk mendapatkan borang. Selepas tahun 2000 atau abad ke 21, untuk menjadi guru tidak semudah seperti dahulu kerana penyaringan dan pemilihan begitu ketat dibuat oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Kualiti mesti dijaga dan pihak pemilih berhati-hati sekali dalam membuat pemilihan. Calon-calon mesti mempunyai minat yang mendalam dan pencapaian akademik yang tinggi. Alasan kerana sukar mendapat pekerjaan lain adalah tidak diterima. Begitu juga IPTA yang ada menawarkan Sarjana dengan Pendidikan pada hari ini juga telah memilih pelajar yang mempunyai pencapaian yang tinggi dalam pencapaian akademik dalam peperiksaan STPM dan juga Matrikulasi.

Jadi kertas ini cuba mengimbas kembali profesionalisme perkembangan pendidikan guru sebelum tahun 2000 dan selepas tahun 2000. Perkembangan ini amat penting diketahui dan kerana ia melibatkan dasar pendidikan dan juga wawasan negara atau yang lebih dikenali sebagai wawasan 2020. Jadi dalam membicarakan perkembangan ini, dua penggerak yang harus menjadi fokus iaitu:

- Peranan yang dimainkan oleh institusi perguruan iaitu maktab perguruan dan IPTA.
- Kualiti guru-guru

Kedua-dua penggerak ini saling bantu-membantu dalam menuju pendidikan yang berkualiti dan ketamadunan bangsa yang maju. Untuk menghadapi era globalisasi dan liberalisasi semua institusi dan sumber tenaga manusia diperpantaskan agar ia tidak ketinggalan dan dapat bertanding dengan negara-negara maju lain. Dalam hal ini peranan kecemerlangan pendidikan dan guru-guru adalah amat penting.

### **Perkembangan pendidikan guru sebelum tahun 2000**

Profesion perguruan adalah satu profesion yang begitu dinamik dan selalu mengalami banyak perubahan bagi menghadapi tuntutan dan keperluan negara semasa. Perubahan

yang dimaksudkan ini ialah dari segi perancangan, kurikulum pendidikan guru, latihan, sistem penilaian, keperluan asas dan sebagainya. Perancangan pendidikan guru meliputi kepentingan aspek pembangunan sekolah dan juga perkembangan staf terutama guru-guru. Boleh dikatakan kemudahan yang ada di semua maktab yang berjumlah 27 buah adalah mencukupi iaitu baik dari segi kemudahan tempat belajar, perbekalan alat komputer dan tempat kegiatan kokurikulum. Bahkan terdapat beberapa buah maktab perguruan baru yang dibina dengan kelengkapan yang moden. Perkembangan kurikulum dikaitkan dengan mata pelajaran di sekolah rendah dan menengah dan juga kursus yang dijalankan di maktab perguruan sistem penilaian yang digunakan. Bahagian Pendidikan Guru biasanya mempunyai hubungan yang rapat dengan lain-lain bahagian seperti:

- Lembaga Peperiksaan
- Bahagian Sekolah-sekolah
- Pusat Perkembangan Kurikulum
- Bahagian Buku Teks
- Bahagian Sukan
- Jabatan Pendidikan Teknikal
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- Jemaah Nazir Sekolah
- IPTA

Sebenarnya bahagian ini perlu saling bantu-membantu agar pengaliran atau penempatan guru dan sokongan untuk membantu kerjaya guru berjalan dengan baik. Sebagai contoh, setiap tahun IPTA yang mempunyai fakulti atau jabatan pendidikan mengadakan perbincangan dengan wakil BPG untuk mencari penyelesaian ke arah sistem pendidikan guru yang berkualiti. Perbincangan ini dinamakan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru (JPPG). Jadi untuk menunjukkan sistem pendidikan guru yang berkualiti perlu ada persefahaman semua pihak kerana kadang-kadang kurikulum yang dilaksanakan, pedagogi pengajaran dan sistem penilaian yang digunakan di seluruh IPTA dan juga maktab-maktab perguruan ada sedikit perbezaan. Jadi penyelarasan perlu dibuat dari semasa ke semasa.

### **Cabaran pendidikan guru selepas tahun 2000**

*Cabaran Satu:* Selepas tahun 2000, cabaran profesionalisme pendidikan guru semakin hebat apabila kerajaan memutuskan mata pelajaran Matematik dan Sains perlu diajar dalam bahasa Inggeris untuk tahun Satu, Tingkatan Satu dan Tingkatan Enam Rendah. Dengan perubahan ini, struktur kurikulum diubah sedikit dan guru-guru yang terlibat terpaksa mengajar dalam bahasa Inggeris. Jadi pelaksanaan ini dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2003. Bukan mudah untuk memastikan pelajaran ini dijalankan secara berkesan. Dalam pengajaran ini khasnya Tahun Satu, guru-guru sekolah rendah diberikan kemudahan peralatan komputer untuk memudahkan teknik pengajaran. Sementara itu guru-guru yang sedang mengikuti program Diploma Pendidikan di maktab perguruan dan Sarjana Pendidikan di IPTA perlu menjalani kaedah pengajaran dalam bahasa Inggeris dan pensyarah juga perlu menggunakan bahan rujukan bahasa Inggeris dalam kursus-kursus tertentu. Dalam latihan pratikum, guru-guru pelatih perlu mengajar dalam bahasa Inggeris untuk matapelajaran Matematik dan Sains dan bukan lagi bahasa

Melayu sebagaimana diamalkan sebelum itu. Dengan pelaksanaan kaedah ini kerajaan mengharapkan pelajar-pelajar yang didedah dengan kemahiran pengajaran bahasa Inggeris dalam merentasi kurikulum Matematik dan Sains dapat menguasai bahasa Inggeris dengan lebih berkesan sama ada dalam penulisan mahu pun pertuturan. Sebagaimana yang kita tahu, banyak sumber dan ilmu dalam matapelajaran ini boleh diterokai melalui buku bahasa Inggeris.

*Cabaran kedua:* Dalam sistem pembelajaran pada hari ini boleh dikatakan semua dunia menggunakan sistem peperiksaan sebagai ciri-ciri asas untuk mengukur keupayaan dan kebolehan seseorang. Di Malaysia peperiksaan yang penting bagi peringkat sekolah rendah dan menengah ialah PMR, SPM dan STPM. Ketiga peperiksaan ini kesemuanya dianggap penting. Dengan kata lain ia dianggap *too exam-oriented*. Dengan pengkaedahan ini, semua murid atau pelajar diperlukan banyak mengingat sesuatu fakta, berkebolehan dalam menganalisis dan menyelesaikan sesuatu masalah untuk lulus sesuatu peperiksaan sama ada dalam SPM mahu pun STPM. Secara terperinci bukan bermakna dengan sistem ini semua pelajar terpaksa mengingati kesemuanya tetapi ada tajuk-tajuk tertentu dalam sesuatu mata pelajaran memerlukan ketajaman, kecekapan otak serta kreativiti dalam menyelesaikan masalah. Dalam matapelajaran bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia, sebagai contoh, keperluan dalam kebolehan mengeluarkan idea juga diutamakan. Boleh jadi pada masa hadapan kebanyakan sistem peperiksaan yang ada akan dinilai juga melalui penilaian dalam kerja-kerja kursus sebagaimana yang banyak dilakukan di sekolah-sekolah menengah USA. Dengan cara ini mungkin pelajar tidak terasa tertekan sangat di mana mereka terpaksa mengharapkan kepada penilaian dalam satu peperiksaan akhir sahaja. Walau bagaimanapun oleh sebab amalan terhadap pendekatan peperiksaan sudah lama dilaksanakan di Malaysia nampaknya ia sukar diubah dengan serta merta. Kajian yang mendalam perlu dibuat dengan berhati-hati. Lagi pun penilaian yang bergantung kepada kerja kursus mungkin dari segi pemberian markah tidak berapa tepat dan kemungkinan guru-guru suka memberi markah yang lebih tinggi kepada pelajar yang mereka sukai. Seterusnya untuk menilai kerja-kerja kursus, sekolah-sekolah memerlukan kemudahan komputer yang lengkap bagi membolehkan pelajar dapat membuat tugas atau kerja kursus dengan baik. Sekiranya sekolah-sekolah di luar bandar masih lagi kurang kemudahan tersebut kemungkinan pelajar menghadapi masalah. Dengan pelajar yang begitu ramai setiap buah sekolah kemungkinan juga guru-guru yang terlibat dalam penilaian kerja-kerja kursus tidak mempunyai masa yang cukup untuk menilai kecekapan pelajar.

Sebelum kita menerima atau melalui satu dasar baru penilaian dalam sistem peperiksaan, kita seharusnya menerima dahulu hakikat bahawa sistem peperiksaan yang ada sekarang. Pelaksanaan atau pendekatan peperiksaan adalah satu pendekatan yang terbaik untuk melatih pelajar mendisiplinkan diri dengan latihan, hafalan, pembacaan dan juga perbincangan dengan kawan-kawan. Tanpa sistem peperiksaan yang dianggap formal mungkin pelajar tidak bersungguh-sungguh untuk belajar. Jadi, tanpa penilaian melalui sistem peperiksaan teratur, kita tidak dapat menilai dengan tepat, kebolehan dan ketajaman otak pelajar. Jadi kebolehan pelajar yang berbeza-beza di seluruh Malaysia ini membolehkan pihak kerajaan mengagihkan mereka ke jurusan tertentu dengan adil berdasarkan pencapaian dalam peperiksaan. Dengan kata lain, kalau mereka mahu

memasuki jurusan perubatan, tunjukkan bukti bahawa mereka berupaya dalam beberapa penyelesaian masalah dalam soalan Matematik Tambahan dan juga Sains yang dikeluarkan di dalam kertas peperiksaan SPM dan juga STPM..

*Cabaran ketiga:* Cabaran ketiga ialah berkaitan pelaksanaan sistem meritokrasi. Jadi dalam perkembangan profesionalisme pendidikan guru pada masa kini memang guru-guru perlu bekerja keras untuk memastikan semua pelajar akan dapat mencapai keputusan yang cemerlang, kalau tidak pelajar tidak akan pergi melanjutkan pelajaran ke mana-mana. Semenjak dasar meritokrasi yang diperkenalkan tahun 2002, pelajar terpaksa belajar bersungguh-sungguh khasnya semasa berada di Tingkatan Enam. Ia juga memberi cabaran kepada guru-guru, pihak sekolah dan ibu bapa juga sentiasa mengharapkan guru-guru yang berkualiti. Sebenarnya bukan senang bagi setiap orang pelajar mendapat peringkat Perincipal A/B untuk setiap mata pelajaran yang diambil. Begitu juga pelajar yang belajar di kelas Metrikulasi. Sebenarnya idea meritokrasi ditimbulkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr, Mahathir pada awal bulan Ogos 2001 bagi memastikan semua pelajar yang berkelayakan atau berkualiti sahaja diterima masuk ke IPTA (Mohd Salleh Lebar).

Dengan pelaksanaan meritokrasi selama dua musim menyaksikan setiap buah sekolah yang mempunyai Tingkatan Enam memerlukan guru-guru yang berkualiti dalam semua matapelajaran yang diajar. Pihak pengetua juga terpaksa menyediakan kemudahan yang cukup bagi memastikan semua pelajar Tingkatan Enam tidak menghadapi masalah dari segi pembelajaran. Jadi apa yang kita lihat selama dua tahun, menunjukkan kebanyakan pelajar yang diterima masuk adalah pelajar-pelajar yang mempunyai semangat belajar yang tinggi dan ada semangat bertanding yang kuat di kalangan pelbagai kaum. Tanpa semangat bertanding dalam semua lapangan, negara kita tidak akan maju. Jadi semangat inilah yang perlu disemai di kalangan pelajar dan peranan guru adalah amat penting. Jadi tugas ini bukan sahaja dipukul oleh guru-guru tetapi juga pensyarah di maktab perguruan khasnya yang menyediakan KPLI dan IPTA yang ada menyediakan Ijazah Sarjana Muda dengan Pendidikan.

Bagi guru-guru yang mengajar di Tingkatan Enam memang menghadapi cabaran yang kuat kerana pada peringkat ini kebanyakan pelajar adalah golongan remaja dan mereka terpaksa membentuk sikap positif di kalangan pelajar. Mungkin ramai pelajar Tingkatan Enam, pencapaian mereka kurang baik sedikit daripada yang dapat memasuki ke kelas Matrikulasi. Pelajar Melayu yang dapat memasuki ke kelas Matrikulasi adalah pelajar yang terpilih dan mempunyai pencapaian yang tinggi khasnya dalam matapelajaran Sains, Matematik Tambahan, Perakauan dan juga bahasa Inggeris. Sedangkan pelajar Melayu yang belajar di kelas Tingkatan Enam, pencapaiannya adalah sederhana. Bagi sesetengah sekolah pula, terdapat kekurangan guru-guru Fizik dan juga Metamatik Tambahan. Sebenarnya apabila berlaku sebarang pertukaran di kalangan guru-guru Matematik dan Sains maka proses pergantiannya mengambil masa sedikit.

## Senario pendidikan guru masa kini

Kekurangan guru memang ada berlaku di mana-mana sekolah dan ia tidaklah berlaku sepanjang masa. Senario ini memang disedari dan tangani oleh pihak Kementerian Pendidikan dan juga IPTA. Pelbagai cara telah dilakukan termasuklah mengadakan kursus KPLI kepada lepasan universiti. Dengan pemberian elaun sebanyak RM1,200.00 sebulan pasti menarik minat para lepasan ijazah untuk menceburi dalam bidang profesion perguruan. Walau bagaimanapun pemilihan bukan berdasarkan tawaran, minat sahaja dan kesukaran mendapat kerja lain. Sebenarnya ia berdasarkan penapisan dari segi keputusan cemerlang dalam kursus yang dipohon, kebijaksanaan menjawab persoalan dalam temuduga dan juga sifar-sifat kepemimpinan yang terserlah sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kekurangan guru bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah nampaknya sering diperkatakan namun semenjak program Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) diadakan di maktab-maktab perguruan ia dapat diatasi sedikit demi sedikit. Antara maktab perguruan yang popular melatih guru-guru bahasa baik dalam program KPLI mahupun Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) ialah Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa (IPBA) yang beroperasi pada tahun 1999 di Kuala Lumpur. Pusat pembelajaran bahasa yang menggunakan kurikulum antarabangsa terkini mampu melahirkan guru-guru yang berkualiti dalam pengajaran bahasa Inggeris baik di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Program berkembar dengan universiti-univeriti luar negara untuk pengajian TESL juga diadakan di institut atau pusat ini.

Untuk meningkatkan tahap guru yang lebih berkualiti dan cemerlang dalam pengajaran , Bahagian Pendidikan Guru pada masa kini telah mengadakan pelbagai program, antaranya ialah:

- Pensiswazahan bagi guru-guru sekolah rendah dan menengah.
- Melatih guru sekolah agama rakyat.
- Melatih guru untuk menjayakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.
- Menyediakan guru mata pelajaran vokasional.
- Kursus Dalam Perkhidmatan
- Program Latihan Perguruan Institusi Pendidikan Swasta (PLPS)

Kursus Dalam Perkhidmatan sentiasa diadakan untuk guru-guru yang sudah berkhidmat bagi meningkatkan kemahiran mengajar dan penguasaan ilmu yang luas. Mengikut Pengarah Bahagian Pendidikan Guru, Haji Razali Ismail (*Berita Harian*, 25 Jun 2003) sekurang-kurangnya sekali setahun semua guru sekolah rendah dan menengah perlu menghadiri kursus jangka pendek yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Guru. Jadi dengan adanya kursus seperti ini dan lain-lain bengkel yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri, kualiti guru akan lebih terjamin dan tidak boleh dipersoalkan lagi. Jadi itulah cara untuk mengembangkan profesionalisme semua guru kerana dunia pendidikan terpaksa berhadapan dengan keperluan yang terbaru.

Program PLPS amat berguna kerana kita tahu sebahagian besar institusi pendidikan swasta terdiri daripada guru-guru yang tidak mempunyai Sijil atau Diploma pendidikan. Jadi melalui latihan yang diberikan boleh membantu mereka mendapatkan pengiktirafan daripada pihak kerajaan sebagai seorang guru yang mempunyai pengetahuan yang cukup dalam kaedah pengajaran.

Bagi guru-guru yang tidak mempunyai peluang yang baik untuk menyambungkan pelajaran, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Universiti Terbuka Malaysia telah mengadakan Pendidikan Jarak Jauh. Bidang pengajian dibuat secara 'on lines' dan ijazah yang dikeluarkan oleh Universiti Terbuka Malaysia diiktirafkan oleh pihak kerajaan. Dengan kemudahan yang ada ini lebih ramai guru-guru sekolah rendah khususnya berpeluang untuk menyambungkan pelajaran yang lebih tinggi iaitu peringkat ijazah secara PJJ.

Pada masa kini untuk mencari calon guru-guru yang betul kemahiran dalam bidang Fizik, Matematik memang susah kerana pelajar yang lulus cemerlang dalam SPM mereka tidak berminat untuk menjadi guru. Oleh itu mereka lebih suka belajar dalam bidang perubatan dan kejuruteraan. Untuk mengatasi masalah ini mulai tahun 2003, Bahagian Pendidikan Guru telah memperkenalkan Program Pelajar Cemerlang (PPC). Melalui program ini pelajar yang cemerlang dalam Matematik, Kimia, Biologi dan Fizik ditempatkan di beberapa buah kolej sebelum dihantar berkrusus dalam bidang pendidikan ke luar negara. Jadi dengan cara ini, empat atau lima tahun lagi Kementerian Pendidikan Malaysia akan dapat melahirkan guru-guru yang betul-betul pakar dalam bidang-bidang tertentu.

### **Mewujudkan guru yang berkualiti**

Berdasarkan perbincangan perkembangan profesionalisme pendidikan guru sebelum dan selepas tahun 2000 menampakkan ia berjalan dengan baik walaupun beberapa halangan yang terpaksa dihadapi. Antaranya ialah masalah penempatan guru-guru di sekolah luar bandar, kekurangan guru dalam mata pelajaran Fizik, Kimia dan juga bahasa Inggeris, kemudahan asas yang terhad seperti kekurangan bilik darjah di sekolah-sekolah tertentu, penggunaan komputer dalam pembelajaran dan akhir-akhir ini perubahan kurikulum pendekatan pengajaran dalam bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Matematik dan Sains. Namun cabaran dan masalah ini dapat diatasi oleh pihak kerajaan secara beransur-ansur dan guru-guru sendiri.

Kekurangan guru dalam mata pelajaran tertentu nampaknya telah diatasi oleh universiti-universiti yang ada menyediakan Fakulti Pendidikan. Sebagai contoh, terdapat pelbagai pengkhusuan mata pelajaran yang ditawarkan oleh beberapa buah universiti di Malaysia ini seperti di Lampiran 1. Pada masa ini nampaknya guru-guru tidak kira sama ada lepasan Diploma mahupun Ijazah telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjalankan tugas. Inilah yang dikehendaki oleh negara kita dalam menempoh era teknologi, globalisasi dan liberalisasi. Untuk menempuh cabaran ini, bukan pelajar sahaja yang patut dibekal dengan pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tetapi guru-guru juga perlu mengisikan pengetahuan ini secepat yang mungkin. Di negara Barat, Pembelajaran Berbantuan Komputer sudah lama dilaksanakan. Menurut kajian

oleh Kulik, Bergert dan Willian (1983) yang telah mengkaji keberkesanan penggunaan Pembelajaran Berbantuan Komputer terhadap 48 orang pelajar menunjukkan bahawa 39 orang pelajar yang menggunakan komputer telah memperolehi markah yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang menggunakan kaedah tradisional.

Oleh sebab pada era ini, isu-isu kecemerlangan akademik diutamakan maka guru tidak terlepas dari kritikan masyarakat sekiranya mereka tidak dapat menghasilkan keputusan peperiksaan yang baik di kalangan pelajar. Jadi untuk mewujudkan guru-guru yang betul-betul berkualiti bukan mudah di mana banyak perkara yang diberi perhatian oleh pihak pengurusan sekolah dan guru-guru.

Pengurusan sekolah yang baik dapat melahirkan guru yang berkualiti, persekitaran pembelajaran yang memberansangkan dan melahirkan pelajar yang bermoral dan cemerlang. Jadi dalam hal ini, pihak pengetua mesti tegas dan perlu mengawal keseimbangan di antara kepentingan kepemimpinan pengajaran dan pengurusan. Gaya kepemimpinan pengajaran yang baik membolehkan guru-guru dapat mengaplikasikan di dalam pengurusan kelas dan hubungan dengan pelajar. Jadi pengetua yang mengambil berat dalam aspek pengajaran, biasanya selalu membuat penyeliaan serta penilaian ke atas guru-guru atau meminta guru-guru menyatakan masalah yang dihadapi semasa mengajar di dalam bilik darjah (Mohd Salleh Lebar, 2000). Walau bagaimanapun guru sebagai pemegang watak yang penting dalam proses pembelajaran perlu mempunyai ciri-ciri lain untuk menjadikan guru yang berkualiti. Ciri-ciri lain perlu diperkukuhkan, antaranya ialah:

- Bijak
- Pembentukan sikap yang baik
- Rajin berkerja
- Sabar

Guru mesti bijak dalam menyampaikan pengajaran dan juga bijak dalam matapelajaran yang diajar. Oleh itu pengisian ilmu dalam kedua aspek ini penting. Sebagai contoh, kenapakah sesetengah sekolah tidak mencukupi guru Fizik? Jawapannya ialah kerana sekolah tersebut tidak ada guru yang bijak atau berkebolehan dalam mata pelajaran Fizik. Pembentukan sikap yang baik membolehkan seseorang guru itu rajin bekerja, mesra dengan pelajar, cinta kepada profesion perguruan dan sanggup berkhidmat di mana-mana sahaja.

Sabar juga penting kerana dalam proses pengajaran. Dalam masa mengajar, guru terpaksa berdepan dengan pelbagai kerenah pelajar, menghadapi pelajar yang lemah, kemudahan yang tidak mencukupi dan suasana pembelajaran yang tidak mengizinkan. Namun begitu sekiranya seseorang guru itu mempunyai tahap kreativiti yang tinggi dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang positif maka ia dianggap guru itu berkualiti.

## **Kesimpulan**

Pendidikan memang sebagai alat yang penting untuk memajukan bangsa dan negara. Dalam menghadapi dunia yang semakin maju, bidang pendidikan dan perguruan secara lojiknya tidak boleh dipisahkan dengan perkembangan ICT. Oleh itu guru-guru perlu

bekerja kuat dan sentiasa mengetahui perkembangan dan perubahan semasa dalam perkembangan profesionalisme pendidikan guru. Dengan kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan dalam pelbagai aspek, penulis yakin semua guru dan pihak pengurusan sekolah yang terlibat dapat memainkan peranan yang penting serta menumpukan sepenuhnya kepada profesion yang diamanahkan. Jika amalan ini tidak ditinggalkan, pasti semua guru tidak kira guru sekolah rendah mahupun menengah akan menjadi guru yang berkualiti dan dapat berkhidmat kepada bangsa dan negara sepanjang masa.

## **Rujukan**

*Buku Panduan Kemasukan Ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam: Program Pangajian Lepas Matrikulasi Sesi Akademik 2003/2004.* Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dew, J. R. (1997). *Quality Centered Strategic Planning.* New York: Quality Resources.

*Education in Malaysia* (1989). Kuala Lumpur: Ministry of Education.

*Harry Costin (1996). Managwement Development and Training. New York: The Dryden Press.*

Kulik, J.A., Bangert, R.L., & Williams, G.W. (1983). Effects of Computer-Based Teaching on Secondary School Student. *Journal of Rducational Psychology*, 75, 19-26.

Mohd Salleh Lebar (2002). *Pentadbiran Pendidikan dan Pendidikan di Malaysia.* Petaling Jaya: Addison Wesley Longman .

Mohd Salleh Lebar (2003). Cabaran pelajar Melayu dalam pelaksanaan sistem meritokrasi. *Fokus Minda*, (1), 31-37.

Sharifah Md. Nor (2000). *Keberkesanan Sekolah.* Serdang: UPM.

## Lampiran 1

### Penawaran kursus-kursus pendidikan di IPTA

Bil	Universiti	Bidang
1	UM	Sarjana Muda Sains Dengan Pendidikan
2	USM	Sains Dengan Pendidikan
3	UKM	Sarjana Muda Pendidikan Dengan Keahlian (Kimia/ Fizik/ Biologi/ Matematik/Sukan dan Rekreasi/ Pengajian Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua/ Pendidikan Khas
4	UPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani/ Bimbingan dan Kaunseling/ Pengajian Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa kedua/ Sains Rumahtangga/ Sains Pertanian / Teknologi Maklumat.</li> <li>• Bachelor Perakaunan dengan Pendidikan.</li> </ul>
5	UTM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Fizik)</li> <li>• Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik)</li> <li>• Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Kimia)</li> <li>• Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia)</li> <li>• Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Matematik)</li> <li>• Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik)</li> <li>• Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam/Kejuruteraan Elektrik/Kejuruteraan Mekanikal/kemahiran Hidup)</li> <li>• Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains/Sains Sukan)</li> </ul>
6	UUM	Sarjana Muda Pengurusan dengan Pendidikan (Perakaunan/Teknologi Maklumat/Pengurusan Perniagaan) dengan Keahlian
7	UMS	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Keahlian
8	UPSI	Sarjana Muda Pendidikan (Matematik/Sains/teknologi Maklumat/Pendidikan Sains Sukan/Perakaunan
9	KUITTHO	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknik & Vokasional

**Sumber:** *Buku Panduan Kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam.*